

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN HAJI AHMAD  
NAZLAN BIN IDRIS  
[ BN-UMNO ]**

**TARIKH : 17.3.2016 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 21**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan projek bekalan air bersih turut diberi penekanan RMK-11, justeru apakah projek bekalan air luar bandar yang sedang dilaksanakan Kementerian, khususnya di kawasan Jerantut dan status terkini pelaksanaan projek tersebut.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Parlimen Jerantut, terdapat 1 projek yang sedang dalam pelaksanaan di bawah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2014/2015 Negeri Pahang dengan kos keseluruhan berjumlah RM6.9 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, status pelaksanaan projek adalah mengikut jadual dan dijangka siap pada Mac 2017.